



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### FORUM AGENDA WANITA NEGARA DAN CEDAW DUKUNG AGENDA PEMERKASAAN DAN KESAKSAMAAN WANITA DI MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 30 SEPTEMBER** – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan Forum Agenda Wanita Negara (FAWN) 2025 sekaligus melancarkan Buku 30 Tahun Konvensyen Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Dalam ucapannya, YB Menteri telah menyenaraikan 5 pencapaian utama Malaysia setelah tiga dekad Malaysia sebagai Negara Pihak CEDAW iaitu:

- a) **Pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265]** - memberikan hak dan perlindungan kepada pekerja wanita dan meningkatkan kesaksamaan gender;
- b) **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]** telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 8 Mac 2024 - **Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS)** telah diwujudkan sebagai satu saluran alternatif yang cepat dan mudah dengan kos yang minimum untuk membantu mangsa gangguan seksual mendapatkan keadilan;
- c) **Pelantikan *Gender Focal Point (GFP)* dan *Gender Focal Team (GFT)*** di setiap Kementerian dan agensi - bagi mengarusperdanaan gender;
- d) **Langkah tindakan sementara (*temporary special measures*)** iaitu dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan; dan

e) **Wanita Malaysia telah berjaya mencapai tahap kesaksamaan apabila Sub-Indeks Pencapaian Pendidikan telah melepasi skor 1 (iaitu 1.071) bagi tahun 2023** - Kerajaan menerusi **Kerangka Ekonomi MADANI** telah menyasarkan 60 peratus kadar penyertaan wanita ke dalam sektor pekerjaan.

YB Menteri turut menyentuh mengenai Forum Agenda Wanita Negara (FAWN) 2025 yang dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai Dasar Wanita Negara (DWN) selain platform perkongsian idea bagi membincangkan usaha-usaha kolektif dalam memperkasakan peranan dan hak wanita di Malaysia.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad serta Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, YBrs Puan Hanani Sapit, wakil Kementerian, Agensi Kerajaan, SUHAKAM, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta tokoh akademik.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
30 SEPTEMBER 2025**